



Anwar bersalam dengan Kim Jong Un di Beijing, kelmarin.

(Foto FB Anwar Ibrahim)

Anwar kongsi detik bertemu ketua pemerintah Korea Utara di China

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sempat bertemu dan bertegur sapa dengan pemimpin Korea Utara, Kim Jong Un ketika menyertai perarakan Hari Kemenangan China bagi memperingati 80 tahun berakhirnya Perang Dunia kedua, di Dataran Tiananmen, Beijing, China, pagi kelmarin.

Menerusi hantaran di Facebook, Anwar berkata beliau sempat berjabat tangan dan bertegur sapa dengan pemimpin tertinggi Korea Utara itu.

“Secara kebetulan ketemu ketua pemerintah Korea Utara,

Kim Jong Un yang turut hadir menyaksikan perarakan di Dataran Tiananmen. Sempat salam dan tegur sapa,” kata beliau.

Terdahulu, Anwar dan isteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail tiba di dataran itu pada jam 8.30 pagi dan disambut Presiden China Xi Jinping dan Wanita Pertama Peng Liyuan.

Menurut Kementerian Luar China, seramai 26 pemimpin asing menghadiri perarakan ketenteraan berskala besar itu termasuk Presiden Russia, Vladimir Putin; Presiden Iran, Masoud Pezeshkian; Raja Kemboja,

Norodom Sihamoni; Presiden Mongolia, Ukhnaa Khurelsukh; Presiden Indonesia, Prabowo Subianto dan Pemangku Presiden Myanmar, Min Aung Hlaing.

Puluhan ribu orang turut menghadiri acara peringatan itu yang disiarkan secara langsung oleh media China.

Hantaran mengenai pertemuan antara dua pemimpin itu turut menarik pelbagai reaksi dalam kalangan warganet, yang rata-ratanya meninggalkan komen memuji keakraban Perdana Menteri dengan pemimpin dunia.

BERNAMA